

22 APR 1998

URUSNIAGA HARTANAH SUKU TAHUN PERTAMA DIJANGKA BERKURANGAN

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Sektor hartanah dijangka menyaksikan pengurangan dalam jumlah urus niaga bagi suku tahun pertama 1998, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Wong See Wah.

Sektor itu, katanya, masih stabil pada 1997 tetapi semua petunjuk menunjuk ke arah penurunan bagi prestasi ke arah akhir tahun.

Prestasi sektor hartanah pada 1998 akan bergantung kepada faktor ekonomi makro, terutama yang berkaitan dengan peraturan ke atas pinjaman dan kadar pemberian pinjaman, kata Wong selepas mengumumkan kenaikan 1.9 peratus Indeks Harga Rumah (HPI) kepada 216.8 bagi 1997 daripada 1996.

Wong berkata faktor lain yang akan mempengaruhi pergerakan harga hartanah adalah bekalan, dasar kerajaan dan jenis pembiayaan.

Bagaimanapun, meskipun suasana kelembapan dalam sektor hartanah, terdapat beberapa projek perumahan di Lembah Klang yang menerima sambutan baik kerana strategi pemasaran mereka yang inovatif dan tidak bergantung.

Beberapa tempat di Kelantan juga mencatatkan pasaran hartanah yang aktif, kata Wong, sambil menambah Selangor, Johor dan Perak adalah negeri-negeri yang paling cergas.

Harga rumah yang ditawarkan pada akhir 1997 adalah rendah berbanding yang ditawarkan pada awal tahun tetapi terdapat bukti kukuh bahawa harga jatuh sepanjang tahun 1997.

Wong berharap kelonggaran syarat-syarat oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) bagi pelabur asing yang mahu membeli hartanah bernilai RM250,000 dan ke atas akan menggalakkan pasaran hartanah Malaysia, terutama bagi pasaran mewah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan pelabur asing yang bercadang membeli rumah bernilai RM250,000 dan ke atas, tidak perlu mendapat kelulusan FIC tetapi mereka harus memastikan bahawa rumah yang mahu dimiliki itu dimajukan di bawah projek yang diluluskan oleh FIC. --
BERNAMA

YY+LMT ZK OS